

Peluang kerja Melayu Champa

Oleh **MOHAMAD HAFIZ**

YUSOFF BAKRI

hafiz.yusoff@mediamulia.com.rny

PETALING JAYA: Malaysia melihat persamaan agama, bahasa, adat dan budaya serta makanan masyarakat Melayu Islam Champa di Kemboja dengan masyarakat negara ini membuka ruang tawaran pekerjaan kepada mereka.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, hubungan Malaysia dengan

masyarakat Champa sudah lama dan ramai rakyat negara ini membantu mereka membangunkan pendidikan serta pekerjaan.

Sehubungan itu, menurut beliau, kerajaan telah membincangkan potensi tawaran pekerjaan tersebut bersama Menteri Kanan Tugas-tugas Khas Hal Ehwal Islam Kemboja Datuk Dr. Othman Hassan.

“Perbincangan dengan Perdana Menteri Kemboja Samdech Techno Hun Sen turut menyentuh isu sumber manu-



ISMAIL Sabri Yaakob ketika melawat Kemboja baru-baru ini.

sia khususnya membabitkan permintaan untuk pekerja domestik beragama Islam di Ma-

laysia.

“Peluang pekerjaan seumpama ini boleh diisi oleh

masyarakat Melayu Islam Champa kerana persamaan agama, bahasa, adat dan budaya serta makanan dengan masyarakat Melayu Islam di Malaysia,” katanya menerusi kenyataan di Facebook semalam.

Dalam pada itu, Ismail Sabri turut menzahirkan penghargaan kepada Hun Sen dengan jempunan diterima olehnya.

“Terima kasih kepada Perdana Menteri, Samdech Techno Hun Sen atas jempunan dan layanan amat baik kepada delegasi Malaysia,” ujarnya.

Ismail Sabri dalam masa yang sama berkata, pelabur Malaysia dan Kemboja turut digalakkan melaksanakan kolaborasi dalam sektor baharu yang berpotensi seperti industri halal, teknologi maklumat dan komunikasi, keselamatan siber dan Fintech.

Bagi pelabur Malaysia katanya turut dipelawa terlibat secara langsung dalam industri pemprosesan beras di Kemboja.